

SET 2
SKEMA PEMARKAHAN
MARKAH PENUH : 100 MARKAH
BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 *markah*]

Soalan 1 : Morfologi

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata dasar yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata dasar tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata dasar telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata dasar salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata dasar yang ditambah imbuhan, berikan 0 markah.
8. Kata dasar digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
10. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
11. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

- (i) pelbagai
 1. berbagai-bagai
 2. beberapa jenis
- (ii) masak
 1. sudah tua dan boleh dimakan
 2. sudah empuk
 3. cara membuat masakan
- (iii) kenal
 1. dapat mengingat kembali
 2. tahu
- (iv) dapat
 1. boleh melakukan sesuatu
 2. beroleh, menerima, kena
 3. bertemu dengan apa-apa yang dicari

*senaraikan perkataan (1 markah), bina ayat (1 markah)

[8 *markah*]

Soalan 2 : Sintaksis

1. Diet telur telah menjadi topik perbincangan warga maya sejak akhir-akhir ini
2. Diet telur menjamin penurunan berat badan.
3. Diet ini berasaskan pengambilan telur sebagai makanan utama
4. Diet ini berasaskan pemilihan makanan rendah kalori.
5. Diet telur tidak memerlukan masa penyediaan terlalu lama
6. Diet telur memerlukan kawalan saiz hidangan.

[6 markah]

Soalan 3 : Penyuntingan

Petikan 1

Bil	Kesalahan	Pembetulan
1	guru gunakan	digunakan oleh guru
2	mencorak	membentuk / membina
3	dwi-bahasa	dwibahasa
4	tekankan	menekankan
5	besar	luas
6	pendapat	pendapatan

[6 markah]

Petikan 2

Bil	Kesalahan	Pembetulan
1	diketatkan	dikuatkuasakan
2	pada	kepada
3	simtom	simptom
4	Perlaksanaan	Pelaksanaan
5	majikan ambil perhatian	diambil perhatian oleh majikan
6	prodaktiviti	produktiviti

[5 markah]

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

Deskripsi	Markah
	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis, bahasa istana kekal	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis	3
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	1
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan, urutan terbalik	0

Setelah Seri Betara mendengar kata-kata Kertala Sari, Seri Betara bertitah, “Segeralah kamu pergi ke Malaka. Lakukan kerja seperti yang kamu katakan supaya beta jadikan kamu sebagai ketua ternama.”

Kertala Sari menyembah, “Jika tuanku hendak menitahkan patik pergi, sebaik-baiknya segeralah hantarkan patik ke Melaka dengan sebuah perahu supaya patik segera melaksanakan titah paduka Betara itu.”

Soalan 5 : Peribahasa

- masuk telinga kanan, keluar telinga kiri/mencurahkan air ke daun keladi/mencurahkan garam ke laut
- sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya/beringat sebelum kena, berjimat sebelum habis/sudah terhantuk baru tengadah
- jika tidak berada-ada, masakan tempua bersarang rendah/ada udang di sebalik batu

*1 peribahasa, 2 markah

Soalan 6

- (i) Cabaran-cabaran dalam menangani isu integriti: [2 markah]

P1 perubahan aturan politik kepartian dalam menentukan hala tuju dasar negara 1m

P2 peningkatan skandal rasuah berprofil tinggi di Malaysia 1m

(Isi cukup : 2 isi)
[maksimum : 2 markah]

- (ii) Usaha yang boleh dilakukan untuk mengukuhkan nilai integriti dalam kalangan masyarakat di Malaysia:

Bahan 1

P1 Pihak kerajaan perlu menyemak Pelan Antirasuah Nasional.

P2 Sokongan daripada rakyat yang kukuh amat diperlukan.

P3 Pematuhan integriti oleh sektor awam dan swasta

Bahan 2

P1 Pihak atasan perlulah menjadi contoh terbaik

P2 Pemantapan pendidikan etika dan moral semasa bertugas.

P3 Individu mengamalkan nilai agama yang tinggi

*** NOTA: (isi cukup : 2 isi) Jawapan hendaklah dari Bahan 1 dan Bahan 2**

(Isi cukup : 2 isi)

[maksimum : 3 markah]

(iii) Kesan apabila nilai integriti tidak lagi diamalkan oleh masyarakat:

P1 Hilang kepercayaan masyarakat

P2 Menjatuhkan imej negara/ maruah diri

P3 Mengakibatkan kerugian wang ringgit/ pelabur asing tidak percaya

P4 Melemahkan struktur pentadbiran negara

P5 Peningkatan gejala rasuah/ rasuah semakin berleluasa

P6 Kehilangan nilai murni

(Isi cukup : 3 isi)

[maksimum : 4 markah]

iv. Tindakan yang perlu anda ambil supaya kejadian ini tidak berulang

P1 Melaporkan kepada guru/ guru disiplin/ kaunselor

P2 Menasihati rakan

P3 Memaklumkan kepada keluarga/ ibu bapa

P4 Menerangkan kesan perbuatannya itu

(Isi cukup : 2 isi)

[maksimum : 3 markah]

Soalan 7

i) Maksud memanaskan badan

P1 menghangatkan tubuh

[2 markah]

P2 memanaskan tubuh

[1 markah]

P3 menghangatkan badan

[1 markah]

ii) faedah-faedah aktiviti riadah kepada masyarakat

Bahan 1

P1 melatih ketahanan mental

P2 melatih fokus yang tinggi.

Bahan 2

P3 menguatkan badan/fizikal

P4 menyihatkan/ mencerdaskan minda

P5 memenuhi masa lapang dengan riadah

Bahan 3

P6 mengurangkan perkara tidak berfaedah

P7 menyihatkan badan

P8 menggembirakan hati

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan kesemua bahan

[maksimum: 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

iii) Punca-punca masyarakat kurang melibatkan diri dalam aktiviti riadah

P1 kekangan masa/ kesibukan bekerja

P2 leka dengan peranti elektronik / media sosial/ hiburan digital

P3 kurang kesedaran tentang kebaikan riadah / malas beriadah

P4 tidak selesa dengan cuaca yang panas

P5 rasa malu/ kurang keyakinan diri

P6 bimbang akan keselamatan diri

[maksimum: 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

iv) Sebagai ketua murid, apakah usaha yang boleh dilakukan untuk menggalakkan penglibatan murid-murid dalam program ini

P1 menghebahkan/mempromosikan program di media sosial / poster /video ringkas.

P2 mengadakan aktiviti bertema yang menarik sepanjang program

P3 menyediakan sijil/hadiah yang menarik

P4 memberikan pendedahan kebaikan program

P5 menjadi suri teladan dengan cara menyertai program tersebut.

[maksimum: 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

1. askar Melayu kekurangan bekalan senjata
2. Askar Melayu cuma dibekali senjata ringan
3. Kita kekurangan peluru
4. Bukan saja peluru, tetapi juga makanan dan air

Panduan Pemarkahan

- (a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah bagi setiap peristiwa yang meninggalkan kesan terhadap perasaan pembaca dengan betul/ jelas/ tepat.
- (iv) Berikah 1 markah bagi setiap penjelasan/ huraian / alasan peristiwa berkenaan perasaan pembaca.
- (v) Markah isi maksimum 4 markah. Maksimum 2 markah bagi setiap peristiwa dan penjelasan/ huraian/ alasan .
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
- (viii) Baik : 2 markah
- (ix) Lemah : 1 markah
- (x) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (xi) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 6 markah]

i. Peristiwa yang meninggalkan kesan terhadap perasaan pembaca.

Novel Di Sebalik Dinara

1. Peristiwa Karl yang sanggup menanam implan ke dalam tubuh Farisha tanpa dibius terlebih dahulu ketika dia masih bayi semata-mata mahu menjadikannya seorang yang genius.

Huraian: Peristiwa ini meninggalkan perasaan marah pembaca kerana tindakan kejam seorang ayah yang sanggup menjadikan anaknya sebagai bahan ujikaji bagi mencapai impiannya.

2. Peristiwa Rusmina yang telah diseksa oleh Karl sehingga cacat dan telah menukarkan Rusmina menjadi cyborg yang bernama Alia kerana keengganan Rusmina meninggalkan agama yang dianuti oleh isterinya itu.

Huraian: Peristiwa ini meninggalkan perasaan simpati pembaca kerana nasib seorang isteri yang telah diseksa dan dianiayai oleh suaminya tanpa belas kasihan

3. Peristiwa Farisha yang ditawarkan sebanyak 1.5 juta untuk menggodam sistem Dinara yang dimasuki virus oleh Syarikat Soft Lab

Huraian: Peristiwa ini meninggalkan perasaan gembira di hati pembaca kerana Farisha sangat bertuah mempunyai rezeki yang pemurah kerana kebijaksanaannya dalam bidang teknologi.

4. Peristiwa Azraai memasang teknologi pengimbas retina dan interkom di apartmen Farisha untuk melindungi keselamatannya selepas berlaku kes pembunuhan di situ.

Huraian: Peristiwa ini meninggalkan perasaan bangga kepada pembaca kerana Farisha mempunyai seorang abang yang sangat bertanggungjawab dan mengambil berat tentang dirinya.

5. Peristiwa Farisha yang terkejut apabila dimaklumkan oleh Azraai bahawa dia hanya anak angkat dalam keluarga Azraai.

Huraian: Peristiwa ini meninggalkan perasaan simpati pembaca kerana seorang anak yang hidup tanpa mengenali ibu dan bapanya yang sebenar.

Novel Silir Daksina karya Nizar Parman

1. Peristiwa Ai Ling yang gigih berlatih mendeklamasikan sajak dengan Cikgu Zam pada setiap petang untuk menyertai pertandingan mendeklamasikan sajak. Ai Ling telah mendapat johan dalam pertandingan tersebut.

Huraian: Peristiwa ini meninggalkan perasaan suka pembaca kerana Ai Ling bekerja keras untuk memastikan dia dapat membuat persembahan dengan baik.

2. Peristiwa Tauke Ong yang gigih mencari rezeki bagi menampung kehidupan keluarganya dengan menoreh getah pada waktu pagi dan memungut hasil kampung pada waktu petang demi mengumpul wang untuk pembelajaran anak-anaknya supaya anak-anaknya dapat mengecapi kehidupan yang lebih baik.

Huraian: Peristiwa ini meninggalkan perasaan terharu pembaca kerana seorang bapa sanggup melakukan apajuga pekerjaan tanpa mengenal erti penat.

3. Peristiwa Haikal yang bersungguh-sungguh mempelajari tarian Zapin Jincat bagi mempopularkan semula zapin tersebut di Kampung Seri Purnama.

Huraian: Peristiwa ini meninggalkan perasaan bangga pembaca kerana sikap anak muda yang berusaha dalam mengekalkan seni warisan budaya yang kian pupus.

4. Peristiwa Haikal yang telah menerima tawaran melanjutkan pelajaran di Bumi Kenyalang (UNIMAS) dalam bidang sastera bagi mencapai cita-citanya.

Huraian: Peristiwa ini meninggalkan perasaan gembira pembaca kerana Haikal mempunyai wawasan yang tinggi untuk masa hadapan yang lebih baik.

5. Peristiwa Tauke Ong yang memulakan kehidupan baru bersama dengan isteri dan anak-anaknya di Batu Pahat, Johor setelah semua tanah mendiang bapanya di Ipoh habis digadaikan oleh abangnya yang suka berjudi.

Huraian : Peristiwa ini meninggalkan perasaan benci pembaca kerana sikap manusia yang mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan kesannya kepada orang lain.

Nota :

Haikal / Haikal / Aiman

Abdullah bin Kayan / Cikgu Amirulnizam / Cikgu Zam

Ai Ling / Ong See Hwa

Tauke Lim / Tauke Ong

Umi / Rafiqah

Walid / Abdul Fatah

(Mana-mana peristiwa yang sesuai diterima)

BAHAGIAN C RUMUSAN

[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

- (a) Isi maksimum - **20 markah**
- (b) Bahasa maksimum - **10 markah**

(a) **Isi [20 markah]**

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
 - Nama khas
 - Perkataan berganda
 - Penggunaan kata sendi di dan ke
 - Tarikh
 - Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - Gelaran
 - Penanda wacana
 - Peribahasa
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja**. Selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan n Isi	Bilangan Isi Diterima										Markah Maksimum
(i) Pendahuluan												2
(ii) FOKUS 1 (Punca/ Sebab/ Faktor)												16
Bahan 1	3	3	3	3	3	2	2	2	2	1	1	
Bahan 2	2	2	2	1	1	1	2	2	2	2	2	
Bahan 3	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	
(iii) Fokus 2 (Usaha/ Langkah/ Cara)												
Bahan 1	3	1	1	2	2	3	1	2	1	3	2	

Bahan 3	2	1	1	1	1	1	2	1	2	1	2	
Jumlah Isi	11	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	
(iv) Penutup/ Kesimpulan												2
Jumlah Markah												20

b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH	BAHASA
Cemerlang	8-10 markah	- Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik - Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	- Kesinambungan ayat baik - Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat - Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	- Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik - Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat - Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan.
Lemah	1 - 2 markah	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual)
- (iii) Jika calon memperoleh markah isi 5 markah ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5.
- (iv) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan berikan 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

	Markah
P1 ...membincangkan punca-punca/ sebab-sebab/ factor-faktor keracunan makan dan usaha-usaha/ langkah-langkah/ cara-cara mengelakkan/ mencegah keracunan makanan	2
P2 ...membincangkan punca-punca/ sebab-sebab/ factor-faktor keracunan makan	1
P3 ...membincangkan usaha-usaha/ langkah-langkah/ cara-cara mengelakkan/ mencegah keracunan makanan	1

Isi [16 markah]**FOKUS 1: punca-punca/ sebab-sebab/ faktor-faktor keracunan makan****Bahan 1**

A1 pengendalian makanan yang tidak cermat	2
A2 sikap tidak peduli terhadap kebersihan	2
A3 kelalaian dalam penyimpanan dan penyediaan makanan	2

Bahan 2

B1 pencemaran silang diabaikan/ mengabaikan pencemaran silang	2
B2 air yang bersih tidak digunakan / tidak menggunakan air yang bersih	2

Bahan 3

C1 Makanan tidak dimasak dengan sempurna/ makanan ni tak dimasak dengan sempurna	2
--	---

FOKUS 1: usaha-usaha/ langkah-langkah/ cara-cara mengelakkan keracunan makan**Bahan 1**

D1 pihak berkuasa kesihatan perlu meningkatkan pemantauan melalui pemeriksaan berkala dan tidak berkala	2
D2 semua pengendali makanan perlu menjalani latihan dalam pengendalian makanan selamat	2
D3 pihak berkuasa kesihatan boleh menjalankan audit keselamatan makanan	2

Bahan 3

E1 Pilih bahan mentah yang bersih dan segar	2
E2 Tutup makanan menggunakan penutup	2

Kesimpulan [2 markah]

K1 Kesimpulannya, keracunan makanan perlulah dielakkan agar kesihatan terjamin.	2
K2 Kesimpulannya, keracunan makanan perlulah dielakkan.	1

(Kesimpulan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Nota:

- (i) Jika calon menulis pendahuluan 3 fokus, berikan 1 (jika satu atau dua fokus betul) atau 0 markah (jika semua fokus salah).

- (ii) Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah atau tidak menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama sahaja. Isi seterusnya diperiksa seperti biasa.
- (iii) Isi diberi markah seperti biasa walaupun bercampur dengan fokus yang lain.
- (iv) Kesimpulan hanya merujuk kepada keracunan makanan sahaja.